

TERMA DAN SYARAT KEMPEN LET'S GO HOLIYAY

TEMPOH KEMPEN

"Let's Go HoliYaY" ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144) (686191-W) ("HLISB") (secara kolektif disebut "Bank") bermula pada **15 September 2020** pukul 01:00:00 jam (01:00 pagi) dan berakhir pada **14 Januari 2021** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam) ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat Kempen ("T&S") adalah seperti berikut:

KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen dibahagikan kepada tiga (3) sub-kempen:
 - (i) **HoliYaY Malaysia Bertaraf Dunia ("Kempen A")** yang bermula dari 15 September 2020 hingga 14 Januari 2021 ("Tempoh Kempen A");
 - (ii) **Kempen Belanja & Dapatkan Pulangan Tunai HoliYAY ("Kempen B")** yang bermula dari 15 September 2020 hingga 4 Januari 2021 ("Tempoh Kempen B"); dan
 - (iii) **Kempen BIG Points Bonanza ("Kempen C")** yang bermula dari 15 September 2020 hingga 28 December 2020 ("Tempoh Kempen C").

Pemegang kad (seperti yang ditentukan di bawah) layak untuk ikut serta dalam Kempen A, Kempen B dan Kempen C yang tertakluk pada T&S di sini.

2. Kempen terbuka kepada seluruh pemegang kad:
 - (i) Kad Kredit HLB;
 - (ii) Kad Debit HLB; dan
 - (iii) Kad Debit-i Hong Leong (secara kolektif disebut "Kad Sertaaan").

Pemegang kad yang memiliki Kad Sertaaan disebut sebagai "**Pemegang Kad**". Pemegang Kad baru merujuk kepada mereka yang tidak memegang Kad sebelum Tempoh Kempen. Pemegang Kad baru yang membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan memohon Kad Kredit HLB baru (termasuk mana-mana Kad Sertaaan) sebagai pemegang kad utama dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut tidak akan dianggap sebagai Pemegang Kad baru.

3. Pemegang Kad **tidak termasuk** golongan berikut:
 - (a) Pemegang Kad Sertaaan yang memiliki Kad yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - (b) Pemegang Kad Sertaaan mereka TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i yang telah ditutup atau tak aktif ("**Akaun Sertaaan**") atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat Kad Sertaaan dan/atau Akaun Sertaaan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen;
 - (c) Pemegang Kad Sertaaan yang Kad mereka tak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; dan/atau
 - (d) Pemegang Kad Sertaaan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah

diisytiharkan bankrap atau bakal dikenakan prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

4. Semua kakitangan Bank, rakan kongsi, wakil atau ejen (termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi) TIDAK layak untuk menyertai Kempen A.

KAEDAH KEMPEN A

5. Semua Pemegang Kad berpeluang untuk menang Hadiah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah setelah memenuhi Transaksi Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah dalam tempoh Kempen A, tertakluk kepada terma dan syarat di dalam ini (“**Pemegang Kad Layak-A**”).

Jadual 1

Kategori Hadiah	Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	HoliYaY Malaysia Bertaraf Dunia (Penginapan 3 Hari, 2 Malam untuk 2 orang)	12 (3 pemenang setiap bulan)
Hadiah Saguhati	Beg Bagasi (36CMx22CMx56CM)	400 (100 pemenang setiap bulan)

Table 2

Transaksi Kelayakan-A	Penyertaan yang Layak Diperolehi
Setiap RM10 Perbelanjaan (seperti yang ditakluk dalam Klaus 9 di bawah)	1
Setiap Kad Kredit Yang Baru Diaktifkan*	10

* Kad Kredit mesti diluluskan dan diaktifkan antara 15 September 2020 – 14 Januari 2021.

6. Pemegang Kad akan didaftarkan secara automatik dan tidak perlu membuat pendaftaran untuk menyertai Kempen A.
7. Tempoh Kempen A akan dibahagikan kepada empat (4) Kempen Bulan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah. Nama hotel untuk Hadiah Utama akan didedahkan kepada Pemegang Kad setiap bulan melalui laman web Bank di www.hlb.com.my/holiyay.

Jadual 3

Kempen Bulan	Tarikh Kempen Bulan	Lokasi Hadiah Utama*
1	15 September 2020 – 14 Oktober 2020	Perak, Penang, Pahang
2	15 Oktober 2020 – 14 November 2020	Melaka, Terengganu, Langkawi
3	15 November 2020 – 14 Disember 2020	Kuala Lumpur, Johor, Pangkor
4	15 Disember 2020 – 14 Januari 2021	Sarawak, Pahang, Kedah

*Lokasi Hotel Grand Prize boleh berubah dan Bank berhak untuk mengubah terma dan syarat ini dengan pemberitahuan terlebih dahulu melalui laman web Bank di www.hlb.com.my/holiyay.

8. Transaksi Kelayakan-A yang dibuat oleh pemegang kad kredit tambahan di bawah akaun Pemegang Kad Layak utama yang sama akan diambil kira dalam pengiraan kelayakan Pemegang Kad Layak-A untuk penyertaan.
9. Bagi mengelakkan keraguan, Transaksi Kelayakan-A yang berikut **TIDAK TERMASUK**:

- (a) Apa-apa perbelanjaan runcit melalui pembayaran berulang atau pembilan auto; dan
- (b) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang.
- (c) Segala bentuk perkhidmatan atau pelbagai bayaran, termasuk caj kewangan dan yuran seperti yuran tahunan kad kredit dan debit, caj pembayaran lewat kad kredit dan cukai penjualan dan perkhidmatan, yang dikenakan oleh Bank.

KAEDAH KEMPEN B

10. Untuk menyertai, Pemegang Kad mesti melakukan satu (1) perbelanjaan dari mana-mana jumlah perjalanan, syarikat penerbangan atau hotel di bawah Kod Kategori Peniaga seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4 di bawah ini dengan menggunakan Kad Sertaan dari 15 September 2020 hingga 28 Disember 2020 ("**Transaksi Kelayakan-B**").

Jadual 4

Kategori Perbelanjaan	Kod Kategori Peniaga (MCC)
Perjalanan	4511, 4582, 4722, 5962
Syarikat Penerbangan	3000 – 3299
Hotel	3501 – 3999, 7011

11. Hanya Transaksi Kelayakan-B yang pertama dilakukan dalam jangka waktu seperti yang dinyatakan dalam klausa 10 di atas akan memenuhi syarat penyertaan Pemegang Kad dalam Kempen B ("**Transaksi Kelayakan Pertama**"). Sekiranya Transaksi Kelayakan Pertama dibalikkan, Pemegang Kad akan hilang kelayakkan dari Kempen B dan sebarang Transaksi Berkelayakan-B berikutnya yang dilakukan pada Kad yang sama atau Kad lain dari Pemegang Kad yang sama tidak akan memenuhi syarat Pemegang Kad untuk Kempen B.
12. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad hanya boleh mengguna Kad yang sama (yang melayakkan Pemegang Kad untuk Transaksi Kelayakan Pertama) untuk semua urusan niaga berikutnya agar layak mendapat Pulangan Tunai.
13. Setelah memenuhi Transaksi Kelayakan Pertama, Pemegang Kad berhak menerima Pulangan Tunai seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5 di bawah ini dengan perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) dalam satu resit setiap minggu menggunakan Kad yang sama selama Minggu Pulangan Tunai seperti yang dinyatakan dalam Jadual 7 di bawah ini, tertakluk kepada pemenuhan terma dan syarat di sini ("**Pemegang Kad Layak-B**").

Jadual 5

Tahap	Kriteria	Pulangan Tunai (setiap minggu)
1	Memenuhi Perbelanjaan Kelayakan (seperti yang ditentukan dalam Klausa 19 di bawah) minimum RM30 selama 1 hingga 4 minggu berturut-turut	RM5
2	Memenuhi Perbelanjaan Kelayakan (seperti yang ditentukan di bawah Klausa 19 di bawah) minimum RM30 selama 5 dan atas minggu berturut-turut	RM10

14. Pemegang Kad Layak-B akan menerima jumlah Pulangan Tunai yang lebih tinggi jika mereka telah melakukan Perbelanjaan Kelayakan selama 5 minggu atau lebih berturut-turut seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5 di atas. Jumlah Pulangan Tunai akan kembali ke Tahap 1 apabila Pemegang Kad Layak-B

gagal memenuhi Perbelanjaan Kelayakan secara berterusan untuk memenuhi syarat Tahap 2 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 6 di bawah.

15. Sebagai contoh, jika Pemegang Kad Layak-B memenuhi Perbelanjaan Kelayakan setiap minggu kecuali Minggu 4 semasa Tempoh Kempen B, maka dia akan menerima Jumlah Pulangan Tunai Seratus Lima Ringgit Malaysia (RM105) seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

Table 6

Minggu	Kelayakan Yang dibelanjakan (setiap minggu)	Pulangan Tunai (setiap minggu)	Pulangan Tunai	Amaun Pulangan Tunai Terkumpul
Minggu 1 – 3 berturut-turut (Tahap 1)	RM30	RM5	RM15	RM15
Minggu 4 berturut-turut (Tahap 1)	RM0	RM0	RM0	RM15
Minggu 5 – 8 berturut-turut (kembali ke Tahap 1)	RM30	RM5	RM20	RM35
9 – 15 berturut-turut (Tahap 2)	RM30	RM10	RM70	RM105
Jumlah Pulangan Tunai (RM)			105	

16. Terdapat lima belas (15) Minggu Pulangan Tunai dalam Tempoh Kempen B seperti yang dinyatakan dalam Jadual 7 di bawah ini di mana Pulangan Tunai akan mula terkumpul pada Minggu Pulangan Tunai yang seterusnya setelah Pemegang Kad memenuhi Transaksi Kelayakan Pertama.

Table 7

Minggu Pulangan Tunai	Tarikh
1	22 September 2020 – 28 September 2020
2	29 September 2020 – 5 Oktober 2020
3	6 Oktober 2020 – 12 Oktober 2020
4	13 Oktober 2020 – 19 Oktober 2020
5	20 Oktober 2020 – 26 Oktober 2020
6	27 Oktober 2020 – 2 November 2020
7	3 November 2020 – 9 November 2020
8	10 November 2020 – 16 November 2020
9	17 November 2020 – 23 November 2020
10	24 November 2020 – 30 November 2020
11	1 Disember 2020 – 7 Disember 2020
12	8 Disember 2020 – 14 Disember 2020
13	15 Disember 2020 – 21 Disember 2020
14	22 Disember 2020 – 28 Disember 2020
15	29 Disember 2020 – 4 Januari 2021

17. Sebagai contoh, Pemegang Kad memenuhi Transaksi Kelayakan Pertama pada 15 September 2020, dia akan layak mendapatkan Pulangan Tunai bermula pada Minggu 1 Pulangan Tunai. Sekiranya Pemegang Kad memenuhi Transaksi Kelayakan Pertama pada 10 Oktober 2020, dia akan layak untuk Pulangan Tunai bermula pada Minggu 4 Pulangan Tunai. Sekiranya Pemegang Kad memenuhi Transaksi Kelayakan Pertama pada 29 Disember 2020, dia tidak akan layak mendapat apa-apa Pulangan Tunai.

18. Setiap Pemegang Kad Layak-B berhak layak menerima Pulangan Tunai maksimum Ringgit Malaysia Seratus Tiga Puluh (RM130) sepanjang Tempoh Kempen B atas dasar siapa cepat dia dapat.
19. Perbelanjaan Kelayakan yang memenuhi syarat hendaklah merangkumi perbelanjaan yang ditransaksikan di dalam dan luar negara. Perbelanjaan Kelayakan yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukarkan dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh Bank pada masa transaksi.
20. Bagi mengelakkan keraguan, "Perbelanjaan Kelayakan" tidak termasuk transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang.
21. Perbelanjaan Kelayakan yang dibuat oleh pemegang kad tambahan di bawah akaun Pemegang Kad Layak utama yang sama dan/atau Perbelanjaan Kelayakan yang dibuat oleh Pemegang Kad Layak menggunakan Kad-kad yang berbeza juga akan diambil kira dalam pengiraan jumlah Perbelanjaan Kelayakan Pemegang Kad Layak.
22. Penetapan MCC bagi peniaga dilakukan oleh Bank pemerolehan peniaga dan Bank pemerolehan berkenaan bertanggungjawab menetapkan MCC yang betul. Perbelanjaan tidak akan memenuhi syarat seandainya Bank pemerolehan membuat penetapan MCC yang tidak betul.

KAEDAH KEMPEN C

23. Untuk menyertai, Pemegang Kad Kredit HLB dengan Kad AirAsia Gold atau Platinum mestilah memperoleh minimum lima puluh (50) BIG Points dalam satu minggu seperti yang dinyatakan dalam Jadual 8 di bawah dari 15 September 2020 hingga 28 Disember 2020 ("**Perbelanjaan Kelayakan Runcit**") dan berhak mendapat lima puluh (50) BIG Points tambahan pada minggu tersebut ("**Bonus BIG Points Tambahan**") untuk Kempen C ("**Pemegang Kad Layak-C**").

Jadual 8

Minggu	Tarikh
1	15 September 2020 – 21 September 2020
2	22 September 2020 – 28 September 2020
3	29 September 2020 – 5 Oktober 2020
4	6 Oktober 2020 – 12 Oktober 2020
5	13 Oktober 2020 – 19 Oktober 2020
6	20 Oktober 2020 – 26 Oktober 2020
7	27 Oktober 2020 – 2 November 2020
8	3 November 2020 – 9 November 2020
9	10 November 2020 – 16 November 2020
10	17 November 2020 – 23 November 2020
11	24 November 2020 – 30 November 2020
12	1 Disember 2020 – 7 Disember 2020
13	8 Disember 2020 – 14 Disember 2020
14	15 Disember 2020 – 21 Disember 2020
15	22 Disember 2020 – 28 Disember 2020

24. Setiap minggu, setiap Pemegang Kad Layak-C berhak menerima maksimum lima puluh (50) tambahan Bonus BIG Points.

25. Pemegang Kad yang Layak-C akan didaftarkan secara automatik dan tidak perlu pendaftaran untuk menyertai Kempen C.
26. Sebagai contoh, jika Pemegang Kad Layak-C melakukan Perbelanjaan Kelayakan Runcit dalam Tempoh Kempen seperti yang ditentukan di atas, maka dia akan menerima Bonus tambahan BIG Points seperti yang digambarkan dalam Jadual 9 di bawah.

Jadual 9

Perbelanjaan Kelayakan Runcit	Jumlah Perbelanjaan Kelayakan Runcit		BONUS Tambahan BIG Points
	Kad Kredit AirAsia Gold	Kad Kredit AirAsia Platinum	
AirAsia	RM50	RM50	50
Perbelanjaan Luar Negara	RM100	RM100	50
Perbelanjaan Dalam Negara	RM250	RM150	50

PELAKSANAAN KEMPEN

27. Pemilihan Pemenang Hadiah untuk Kempen A:

- Menjelang berakhirnya setiap Kempen Bulanan, sistem Bank akan automatik menghasilkan senarai tiga ratus (300) Pemegang Kad yang Layak-A secara rawak yang telah memenuhi kriteria di bawah Jadual 2 di atas ("**Pemenang Hadiah yang Berpotensi**").
- Tiga (3) Pemenang Hadiah yang berpotensi akan dihubungi oleh wakil Bank di nombor telefon yang didaftarkan atau dicatatkan dalam sistem Bank dalam tiga puluh (30) hari bekerja selepas setiap akhir Kempen Bulanan untuk menjawab (1) soalan.
- Tiga (3) Pemenang pertama yang berpotensi yang menjawab soalan dengan betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Kempen A Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Holiyay Malaysia Bertaraf Dunia**").
- Seratus (100) Pemenang yang berpotensi akan dipilih dan diberitahu melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") di nombor telefon yang didaftarkan atau dicatatkan dalam sistem Bank dalam tiga puluh (30) hari bekerja selepas setiap akhir Kempen Bulanan untuk menjawab satu (1) soalan dan perlu membalas SMS tersebut menggunakan nombor telefon yang sama yang menerima SMS, dengan jawapan yang betul. Tarikh akhir untuk menjawab soalan akan dinyatakan dalam SMS.
- Bank akan mengulangi proses yang dinyatakan dalam klausa (d) di atas sekiranya jumlah pemenang kurang daripada seratus (100).
- Seratus (100) Pemenang Hadiah yang pertama dan menjawab soalan dengan betul dalam waktu terpantas akan dipilih sebagai pemenang hadiah saguhati Kempen A ("**Pemenang Hadiah Saguhati**").
- Untuk mengelakkan keraguan, setiap Pemegang Kad Layak-A hanya berhak mendapat satu (1) Hadiah Utama atau hanya satu (1) Hadiah Saguhati dalam setiap Bulan Kempen selama Tempoh Kempen A.
- Pemenang Hadiah yang Berpotensi wajib untuk memberikan nombor telefon terbaru dan sah kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemenang Hadiah yang Berpotensi dengan alasan apa-apa.
- Sekiranya Potensi Pemenang Hadiah tidak dapat dihubungi setelah tiga (3) percubaan pada hari yang sama, dia akan dianggap hilang kelayakan dari Kempen A. Pemenang Hadiah yang berpotensi yang tersenarai dalam senarai yang seterusnya akan dihubungi.
- Pemenang Hadiah Holiyay Malaysia Bertaraf Dunia tidak layak untuk memenangi Hadiah Saguhati sepanjang Bulan Kempen.
- Hadiah Utama Kempen A akan dihantar kepada Pemenang Hadiah Holiyay Malaysia Bertaraf Dunia dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas akhir Kempen Bulan.
- Hadiah Saguhati Kempen A akan dikirimkan kepada Pemenang Hadiah Saguhati dalam waktu tiga puluh (30) hari bekerja selepas akhir Tempoh Kempen A.

- (m) Sekiranya berlaku tutup sempadan di Lokasi Hadiah Utama masing-masing semasa tempoh pemenuhan, Pemenang Hadiah Holiyay Malaysia Bertaraf Dunia akan diberi peluang untuk memilih sama ada pulangan tunai Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) sebagai pengganti ("**Pulangan Tunai Pengganti**") atau Hadiah Utama Kempen A.
- (n) Pulangan Tunai Pengganti akan didepositkan dalam akaun Kad Pemenang Hadiah Holiyay Malaysia Bertaraf Dunia. Setelah didepositkan, Pulangan Tunai Pengganti untuk Pemegang Kad Kredit tidak boleh dikeluarkan dari akaun Kad Pemenang Hadiah Holiyay Malaysia Bertaraf Dunia dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga.

28. Pemilihan Kempen B untuk menerima Pulangan Tunai:

- a) Setiap Pemegang Kad Layak-B berhak menerima Pulangan Tunai maksimum yang dihadkan pada Ringgit Malaysia Seratus Tiga Puluh (RM130) atas dasar siapa cepat dia dapat.
- b) Jumlah Pulangan Tunai untuk Kempen B ini dihadkan pada Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) sepanjang Tempoh Kempen B. Bank tiada kewajiban memberitahu Pemegang Kad Layak-B sekiranya himpunan Pulangan Tunai mencapai hadnya.
- c) Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Pemegang Kad Layak-B dalam masa lapan (8) minggu selepas akhir Tempoh Kempen B.
- d) Pulangan Tunai akan dikreditkan berdasarkan tarikh dan/atau waktu transaksi (Tarikh dan/atau Waktu Malaysia) yang dicatatkan dalam rekod Bank berdasarkan kedatangan pertama. Sekiranya terdapat beberapa Pemegang Kad Layak-B bertransaksi pada tarikh dan/atau waktu yang sama, Pulangan Tunai akan diberikan kepada Pemegang Kad Layak-B dengan jumlah Perbelanjaan Berkelayakan tertinggi yang direkodkan dalam sistem Bank. Perbelanjaan yang Memenuhi Syarat mesti dihantar semasa pengkreditan Pulangan Tunai dan perbelanjaan yang Layak dihantar setelah pengkreditan tidak berhak mendapat pulangan tunai.

29. Pemilihan Kempen C untuk Bonus Tambahan BIG Points dan pelaksanaan:

- a) Pemegang Kad Layak-C mestilah mempunyai keahlian BIG yang sedia ada (yang dilanggan dan didaftar untuk menjadi ahli di bawah program kesetiaan dan penghargaan yang dikendalikan oleh BIG dengan nama "BIG Loyalty") dan mempunyai nombor pendaftaran unik yang dikenali sebagai "ID ahli BIG " yang dikeluarkan oleh BIG pada masa penyertaan dalam Kempen C.
- b) Bonus Tambahan BIG Points akan diberikan kepada Pemegang Kad Layak-C atas dasar siapa cepat dia dapat dan akan dikreditkan ke akaun mereka dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas berakhirnya Tempoh Kempen C.
- c) Jumlah Bonus tambahan BIG Points untuk Kempen C ini dihadkan setakat Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000) sepanjang Tempoh Kempen C atas dasar siapa cepat dia dapat.
- d) Bonus tambahan BIG Points tidak boleh ditukar dan/atau dipindah milik dan tidak boleh ditukar atau ditebus untuk wang tunai.
- e) Semua penukaran Bonus tambahan BIG Points berdasarkan Kempen C ini tertakluk pada terma dan syarat BIG yang boleh didapati di http://www.airasiabig.com/my/en/assets/pdf/tnc-big-loyalty_en-GB.pdf

30. Semasa pemberian Hadiah, Pulangan Tunai, dan Bonus tambahan BIG Points , akaun Kad untuk Pemegang Kad yang Layak mestilah sah/aktif, mempunyai reputasi baik dan tidak boleh melanggar mana-mana Kempen T&S dan/atau Perjanjian Pemegang Kad HLB, Terma dan Syarat Kad Debit HLB dan/atau Terma dan Syarat Kad Debit-i Hong Leong ("**Terma dan Syarat Bank**") hingga Tempoh Kempen dan sehingga Hadiah diberikan, Pulangan Tunai dan Bonus tambahan BIG Points yang dikreditkan, jika gagal Pemegang Kad yang Layak-A, Pemegang Kad Layak-B dan Pemegang Kad Layak-C akan hilang kelayakan secara automatik.

31. Pemegang Kad Layak-A, Pemegang Kad Layak-B dan Pemegang Kad Layak-C secara kolektif akan dikenali sebagai "**Pemegang Kad yang Layak**" untuk tujuan Kempen ini.

UMUM

32. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak:

- (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini dan Terma dan Syarat Bank yang boleh disemak dalam laman web Bank di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") dan www.hlisb.com.my ("**Laman Web HLIB**") yang secara kolektif disebut ("**Laman Web Bank**");
- (b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang dirakamkan dalam sistem Bank untuk tujuan Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
- (c) bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad yang Layak. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
- (d) bersetuju bahawa pembalikan transaksi tidak akan diambil kira dalam memenuhi syarat Transaksi Kelayakan-A, Transaksi Kelayakan-B, Transaksi Kelayakan Pertama, Perbelanjaan Kelayakan dan/atau Perbelanjaan Kelayakan Runcit;
- (e) bersetuju bahawa Hadiah, Pulangan Tunai dan Bonus tambahan BIG Points tidak boleh ditukar milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau manfaat barangan;
- (f) bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S;
- (g) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menzahirkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon dan/atau emel alamat kepada pihak ke-3, Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U) dan/atau DCATALYST Sdn Bhd (819292-U) yang dibenarkan jika Bank berfikir wajar untuk tujuan menghantar SMS dan/atau emel untuk mempromosikan Kempen ini.

33. Bank berhak:

- (a) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad yang Layak daripada menyertai Kempen ini atas apa jua sebab sah yang Bank fikir wajar. Khususnya, mana-mana Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan Transaksi Kelayakan-A, Transaksi Kelayakan-B, Transaksi Kelayakan Pertama, Perbelanjaan Kelayakan dan/atau Perbelanjaan Kelayakan Runcit dari segi gaya atau pola yang Bank anggap luar biasa, luar aturan dan/atau menandakan suatu percubaan untuk meraih kelebihan tidak adil ke atas Pemegang Kad yang Layak yang lain; dan
- (b) melupuskan dan/atau menolak balik Pulangan Tunai dalam hal apabila berlaku pembalikan Transaksi Kelayakan-A, Transaksi Kelayakan-B, Transaksi Kelayakan Pertama, Perbelanjaan Kelayakan dan/atau Perbelanjaan Kelayakan Runcit, jika berkenaan, atau penamatan Kad semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian Hadiah, Pulangan Tunai dan Bonus tambahan BIG Points atau T&S di dalam ini tidak dipatuhi;
- (c) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank atau dengan apa-apa cara lain yang Bank fikir sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak.

34. Bank tidaklah dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, atau mana-mana pihak yang boleh menyebabkan Pemegang Kad yang Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.

35. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad yang Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

36. Selain terma yang dinyatakan di atas ini, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa Terma & Syarat Bank hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Apa-apa percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Bank, maka terma-terma tertentu dalam T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
37. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.